

SIMBOL PAKAN DALAM RITUAL MASYARAKAT PENAN KAWASAN ULU JELALONG TUBAU, BINTULU, SARAWAK.

Sarina Keti¹, Mohamad Maulana Magiman¹, & Haji Ahmad Nasir Bin Mohd. Yusoff²

¹Jabatan Sains Sosial, Fakulti Sains Sosial Dan Pengurusan,
UPM Kampus Bintulu Sarawak

²Fakulti Ekologi Manusia, UPM Serdang, Selangor, Malaysia

rina_joshua@yahoo.com

ABSTRAK

Kepercayaan pada dasarnya bertujuan sebagai pedoman tingkah laku bagi seluruh masyarakat yang memahami serta meyakini kepercayaan tersebut. Bagi Masyarakat Penan, terutamanya di kawasan Ulu Jelalong Tubau, Bintulu, mereka mempunyai satu kepercayaan yang merupakan hal penting dalam perkara menyatukan masyarakatnya. Dengan itu penyelidikan ini dibuat untuk mengkaji makna simbol *Pakan* dalam ritual masyarakat Penan di kawasan Ulu Jelalong Tubau, Bintulu Sarawak. Fokus utama ialah untuk mengkaji peranan simbol yang terdapat dalam upacara *Pakan* di dalam setiap ritual yang berkaitan dengan budaya masyarakat Penan di kawasan Ulu Jelalong Tubau, Bintulu. Secara tidak langsung budaya *Pakan* ini telah memperkenalkan identiti bangsa Penan itu sendiri di mana keunggulan sesuatu bangsa terhasil daripada nilai-nilai budaya kerana ia mencerminkan keunikan dan keistimewaan sesuatu bangsa. Rentetan itulah, usaha dilakukan untuk memberi fokus kepada budaya *Pakan* yang menjadi satu simbol ritual-ritual masyarakat Penan di Kawasan Ulu Jelalong. Upacara *Pakan* merupakan satu upacara memberi makan roh. Kesemua hajat dan niat mereka ditujukan kepada Tuhan yang disebut *retalak*. Dalam upacara *Pakan* masyarakat Penan akan berdoa supaya diberi perlindungan, kesejahteraan hidup dan supaya masyarakatnya sentiasa bersatu. Data kajian diperoleh daripada pemerhatian dan temubual secara langsung terhadap perlakuan ke atas upacara ini. Didapati upacara ini adalah berbentuk animisme dan diadaptasikan dengan unsur-unsur kekristianan pada masa ini. Pelaku kepada upacara *Pakan* bagi golongan Penan animisme ialah "*vaie puwet*" atau *vaie jau* manakala pelaku kepada upacara *Pakan* dalam Penan Kristian ialah ketua agama yang terdiri daripada pastor, paderi dan ketua sembahyang. Walaupun upacara ini bersifat animisme tetapi ia masih diterima oleh masyarakat dengan cara Kristian mengikut agama yang mereka anuti ketika ini.

Kata kunci: *simbol, upacara Pakan, Masyarakat Penan, animisme, Baleik atau Retalak.*

PENDAHULUAN

Latar Belakang

Menurut Needham (1954), kumpulan masyarakat Penan terawal di daerah Bintulu adalah di kawasan Ulu Sungai Jelalong. Mereka dipercayai telah menetap sejak abad ke-19 dan diikuti kawasan Niah dan Suai di daerah Miri. Masyarakat Penan di kawasan Baram, Belaga dan Limbang pula dipercayai telah menetap sejak 30 tahun yang lepas. Mereka tinggal di rumah-rumah panjang dan kampung terutamanya di kawasan Bintulu dan Suai-Niah yang menjadikan aktiviti pertanian pindah sebagai sumber utama untuk menggantikan sagu sebagai makanan ruji utama mereka. Menurut Timbalan Pengarah Unit Perancang Negeri di Jabatan Ketua Menteri iaitu Encik Awie Abang, penduduk Penan di Sarawak telah meningkat daripada tahun 1990 sebanyak 13,186 orang kepada 17,851 orang pada tahun 2012.

Secara umumnya, budaya *Pakan* yang dilakukan oleh masyarakat Penan Ulu Jelalong adalah hampir sama seperti yang dilakukan oleh masyarakat lain yang terdapat di Sarawak. Sebagai contoh, masyarakat Iban mengadakan upacara "*miring*" dalam ritual keagamaan mereka, begitu juga dengan masyarakat Melanau Likow di mana mereka mengadakan upacara "*serahang*" dalam upacara keagamaan mereka. Hal ini bukan suatu yang luar biasa kerana dalam etnik-etnik ini mereka juga telah menganuti agama kepercayaan mereka seperti agama Kristian, seperti juga dengan masyarakat Penan. Bagi masyarakat Penan di Ulu Jelalong, *Pakan* diadakan dalam pelbagai ritual, antaranya ialah *Pakan* dilakukan dalam upacara perayaan kaum Penan yang dikenali sebagai perayaan *pinum*, malah *Pakan* juga dilakukan sewaktu makan hari ketujuh kematian. Seterusnya juga, *Pakan* dilakukan sewaktu berniat yang sama dengan doa selamat dan juga diadakan semasa membuka suatu kawasan penempatan baharu atau tapak baharu semasa membina rumah dan membuka kawasan pertanian.

Amnya, masyarakat Penan dikenali sebagai satu kumpulan etnik yang terkenal dengan hidup secara nomad pada suatu ketika dahulu. Kemajuan pada masa sekarang telah mengubah kehidupan mereka daripada nomad kepada kehidupan yang mempunyai kediaman tetap. Namun satu perkara yang tidak berubah dalam masyarakat Penan ialah, mereka amat mementingkan hutan sebagai pelengkap kepada aktiviti-aktiviti seharian mereka. Seperti masyarakat lain, masyarakat Penan juga mengalami perubahan dari segi amalan mereka terutamanya amalan beragama. Jika dahulu kesemua masyarakat Penan masih percaya kepada amalan animisme iaitu adat Pagan, tetapi sekarang kebanyakan Penan sudah ramai yang menganuti agama Kristian malah ada juga masyarakat Penan yang sudah menganuti agama Islam. Walaupun begitu, masih ada juga segelintir masyarakat Penan masih mengamalkan adat Pagan dan percaya kuasa *baleik* yang mempercayai kuasa alam, bunyi burung dan sebagainya. Alam sekitar berperanan dalam kehidupan masyarakat Penan terutamanya tentang hubungan Penan dengan alam, dan pembangunan yang ada di sekitar mereka dari aspek penjagaan sumber dalam hutan. Masyarakat Penan mempunyai hubungan rapat dengan alam, terutamanya bentuk permukaan bumi, gunung-ganang, sungai dan sebagainya. Setiap kejadian yang berlaku di gunung, lembah sungai dan sebagainya mempunyai hubungkait dengan kehidupan masyarakat Penan.

Peredaran zaman telah mengubah segala aktiviti pindah-randah menjadi aktiviti tetap bagi masyarakat Penan di Ulu Jelalong. Buktinya ketika ini ialah di mana hutan telah dijadikan satu sumber penting untuk masyarakat Penan untuk membuat

ladang-ladang sawit mereka. Bagi kaum Penan di Ulu Jelalong, upacara *Pakan* akan dibuat setiap kali membuka satu-satu kawasan baharu mengikut kepercayaan dan anutan mereka. Tujuannya untuk mendapat hasil yang lebih lumayan, malah dengan cara berbudi pada tanah juga mereka akan terus diberkati oleh Tuhan dan roh nenek moyang mereka.

METODOLOGI

Penyelidikan ini bersifat etnografi untuk menerangkan simbol *Pakan* dalam ritual Masyarakat Penan di kawasan Ulu Jelalong. Di samping itu juga untuk melihat corak kepercayaan dan pemikiran masyarakat Penan di Ulu Jelalong Tubau, Bintulu. Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan simbol *Pakan* sebagai alat untuk melihat hasil daripada ritual yang dijadikan sebagai identiti masyarakat Penan di kawasan Ulu Jelalong. Pemilihan ini dibuat untuk memastikan simbol dalam ritual tersebut masih hidup dan masih lagi diamalkan oleh masyarakat Penan sehingga ke hari ini.

Dalam usaha untuk mendapatkan maklumat mengenai simbol *Pakan* dalam ritual masyarakat Penan di Ulu Jelalong, penyelidik telah menggunakan beberapa teknik pengumpulan data. Pertama, kaedah temu bual etnografi. Teknik ini digunakan secara meluas oleh para penyelidik dan beberapa orang pembantunya. Sepanjang penyelidikan ini, penyelidik telah berada di kawasan lapangan selama setahun yang bermula daripada Mac 2018 sehingga Jun 2019. Selama setahun penyelidik membuat penyelidikan dan menetap di kampung untuk memahami kaedah dan cara *Pakan* dilaksanakan. Tujuan penyelidikan etnografi dilakukan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang sahih daripada para informan. Temu bual digunakan untuk mendapat maklumat daripada masyarakat kampung terutamanya daripada golongan ketua kampung, golongan pemegang adat, golongan agama seperti ketua pelayan sidang. Di samping itu juga, penyelidik mendapat penjelasan mengenai simbol yang terdapat dalam upacara *Pakan* dalam sesebuah kampung dengan penyertaan seluruh masyarakatnya. Temubual dilakukan dan dicatat oleh penyelidik sementara bacaan menteranya pula telah dirakam oleh penyelidik semasa upacara tersebut berlangsung.

Kaedah kedua pula adalah *participant-observation* iaitu pemerhatian yang dilakukan pada 18 November 2018 dan 15-18 Februari 2019. Penyelidik telah melihat teknik upacara *pakan* dilakukan sepenuhnya oleh masyarakat Penan. Pada 18 November 2018, penyelidik mendapat gambaran sepenuhnya *Pakan* yang dilakukan oleh golongan animisme dan golongan ahli agama bergabung bersama-sama sewaktu ritual pada hari kematian bapa saudara dilakukan mengikut adat dan kepercayaan agama yang dianuti oleh masyarakat Penan ketika ini. Pada 18 Februari 2019, penyelidik telah melihat upacara *Pakan* yang didominasi oleh golongan animisme yang memberi roh makan supaya penduduk kampung tidak diganggu oleh roh jahat. Di samping itu, golongan Penan Kristian turut serta melakukan upacara *Pakan* dengan doa yang dipimpin oleh ketua pelayan sidang dengan doa mengikut ajaran agama Kristian dan diselit dengan makan beramai-ramai secara *pot luck* untuk menolak bala. Gambar telah diambil oleh penyelidik sebagai bukti. Sehubungan dengan itu juga penyelidik juga telah membuat penyelidikan dan pemerhatian ke atas masyarakat Penan di beberapa buah kampung di Jelalong iaitu di kampung Resa Mekapan Jelalong dan kampung Ramli Su'an Jelalong. Malah penyelidik juga telah membuat pemerhatian di kampung Penan Suai iaitu kampung Ogos Sugun. Jika

dilihat dan diperhati melalui kajian penyelidikan, Penan Jelaong dan Penan Suai mengamalkan budaya yang sama kerana kebanyakan masyarakat Penan Jelaong dan Penan Suai bersaudara. Sebagai contoh penyelidik sendiri juga mempunyai latarbelakang budaya Penan Jelaong dan Suai kerana datuk yang melahirkan ibu penyelidik merupakan ketua kampung di kawasan Suai sebelum ketua kampung Ogos, dan bapa penyelidik merupakan bekas ketua kampung Penan Long Saoh di kawasan Ulu Jelaong dan kini telah digantikan oleh abang penyelidik sendiri iaitu Pengejau Uma Julaihi Ketu.

Kaedah ketiga adalah kajian kepustakaan. Teknik ini digunakan khusus untuk mendapatkan bahan-bahan bertulis yang berkaitan dengan penyelidikan. Kajian kepustakaan ditumpukan kepada bahan-bahan penulisan tentang simbol ritual, budaya, perlembagaan, kepercayaan, alam, kosmologi, manusia dan sebagainya. Penyelidikan ini telah dibuat di beberapa buah perpustakaan seperti perpustakaan Muzium Sarawak, perpustakaan Universiti Malaysia Sarawak, perpustakaan awam Kuching, perpustakaan BDA Bintulu, perpustakaan UPM Kampus Bintulu serta dari portal-portal internet.

DAPATAN KAJIAN

Hasil Kajian Melalui Analisis Simbol dalam Upacara Pakan

Symbolisme dapat dikategorikan kepada dua iaitu pertama, simbol itu merupakan satu corak pemikiran masyarakat seperti kepercayaan yang wujud daripada mitos dan legenda yang berlaku pada kehidupan masyarakat lalu mewujudkan satu kepercayaan. Dengan kepercayaan animisme yang wujud pada masyarakat primitif, relevannya ketika ini sudah tidak sesuai lagi dengan perubahan masyarakat yang mempunyai pegangan agama yang dianuti. Menurut Turner (1966): *"the symbol is the smallest unit of ritual which still retain the specific properties of behaviour. It is the ultimate unit of specific structure in a ritual context"*. Maknanya simbol merupakan unit atau bahagian terkecil dalam ritual yang mengandungi makna daripada tingkah laku ritual yang bersifat khusus. Manakala ritual pula merupakan gabungan daripada pelbagai sajian atau juadah yang telah disediakan seperti *penyarem, lupih, gulung, sipak*, beras kuning, kuih cap serta alatan-alatan yang digunakan.

Simbol adalah satu peristiwa atau objek yang menjadi petunjuk kepada sesuatu perkara. Semua simbol dibahagikan kepada tiga perkara iaitu, simbol sebagai petanda kepada satu-satu hal; kedua, perkaitan antara simbol dan tanda; ketiga pula ialah petanda tersebut merupakan dasar bagi semua simbol. Makna simbol yang terdapat dalam ritual jika ianya dapat difahami dan diamalkan, maka ianya akan membawa makna dan pengertian kepada manusia ke arah keselamatan yang mereka inginkan. Makna simbol dalam ritual merupakan satu amalan yang mendorong manusia supaya sentiasa melakukan perkara yang baik supaya mereka terhindar daripada malapetaka.

Simbol itu berupa semiotik iaitu suatu yang tidak terbatas dari segi bahasa, tetapi setiap perkara yang dilakukan atau ditunjukkan semestinya ada maksud yang tertentu. Seperti masyarakat dan etnik-etnik lain setiap simbol ritual yang dilakukan mesti ada maksudnya yang tersendiri. Contohnya masyarakat Dayak di kepulauan Borneo menyambut Gawai Antu, hari Gawai, Gawai burung dan upacara yang dilakukan ada maksud dan simbol yang dinyatakan dengan permohonan semoga mereka terus dirahmati di masa akan datang. Begitu juga dengan masyarakat Penan


dengan mengadakan upacara *Pakan* menandakan salah satu daripada cara masyarakat Penan itu sendiri menyatakan permohonan mereka kepada kuasa yang mereka percaya yang disebut *retalak*. Unsur tradisi masih dilakukan walaupun cara pelaksanaannya tidak sepenuhnya sama, namun ianya dilakukan mengikut cara kepercayaan beragama mereka ketika ini, contohnya agama Kristian. Sewaktu upacara *Pakan* masyarakat Penan akan membuat persediaan seperti memasak makanan, menyediakan peralatan lain seperti menyediakan *sang*, *tapok* dan meja juadah untuk upacara *Pakan*. Seterusnya sewaktu upacara *Pakan*, orang kampung akan memanggil ketua agama untuk mendoakan semua peralatan dan bahan-bahan seperti makanan yang disediakan sewaktu upacara tersebut. Setiap perlakuan yang terdapat di dalam ritual *Pakan* merupakan satu persembahan sebagai tanda permohonan mereka kepada kuasa yang dapat membantu mereka iaitu *retalak* yang dikenali sebagai Tuhan oleh masyarakat Penan di Sarawak. Ritual ini dilakukan oleh ketua agama yang memiliki kuasa *baleik* iaitu individu yang memiliki kuasa *baleik* ini disebut sebagai *vaie puwet* manakala golongan agama Kristian akan turut sama berniat dengan berdoa dan mereka diketuai oleh golongan ketua agama seperti ketua pelayan sidang atau pun pastor. Kuasa *baleik* ini dimiliki oleh Penan animism yang mendapat kuasa ini daripada kuasa *supernatural* iaitu kuasa-kuasa luar biasa yang menjaga hutan di mana mereka tinggal. Ritual yang dijalankan ini dianggap dapat mendatangkan kebaikan selain bagi mengelakkan sebarang bencana alam, kecelakaan serta penyakit datang kepada masyarakat yang mendiami kawasan tersebut. Meskipun amalan tradisional semakin berubah mengikut peredaran zaman, namun segelintir daripada masyarakatnya masih mengamalkan *pinum* sebagai amalan tradisional nenek moyang mereka terdahulu terutamanya Penan di kawasan ulu Jelalong daerah Bintulu. Dalam masa yang sama telah berlaku perubahan tentang persepsi masyarakatnya sendiri tentang ritual *Pakan*. Ini disebabkan oleh pengaruh agama yang telah mengubah anutan, kepercayaan dan ritual. Meskipun begitu, tradisi atau amalan ritual ini masih lagi dianggap baik oleh masyarakat Penan didasari oleh keinginan bagi mengelakkan diri, keluarga dan keturunan ditimpa bencana.

Masyarakat Penan mempunyai konsep pegangan *berniat* dan pegangan ini mewujudkan toleransi dan luasnya konsep identiti yang dipegang mereka sehinggakan begitu payah sekali untuk mentakrifkan siapa Penan. Toleransi ini disatukan dengan adanya satu pegangan yang dikenali sebagai 'pegangan *malie* dan *tulah*' oleh masyarakat Penan di Sarawak terutamanya masyarakat Penan di kawasan Ulu Jelalong. Pegangan ini merupakan satu pegangan yang mengikat kaum Penan tanpa mengambil kira batas agama sehingga menyebabkan tradisi dan adat Penan itu masih lagi sehingga hari ini, meskipun cara ritual yang dilakukan oleh mereka berbeza iaitu ritual yang dilakukan berdasarkan atas tuntutan agama yang telah mereka anuti. Masyarakat Penan amat menghormati orang-orang tua dan juga roh-roh nenek moyang yang telah meninggal sehinggakan seseorang yang sudah meninggal tidak akan disebut nama. Ini kerana pegangan *malie* dan *tulah* yang mereka percaya. Hal ini kerana setiap individu harus mengikut undang-undang dan pantang-larang yang menjadi kepercayaan dalam budaya masyarakat Penan ini. Maka, tidak hairanlah sekiranya ritual *Pakan* ini dijadikan sebagai wadah bagi mewujudkan nilai keharmonian dan perdamaian dalam masyarakat Penan.

Agama merupakan asas penting dalam sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian, seiring dengan masa agama telah hadir dan diserap di dalam kehidupan sesebuah kelompok masyarakat. Dalam pelaksanaan upacara *Pakan* ini, peranan masyarakat Penan Kristian juga sangat penting. Meskipun mereka mempunyai

pegangan yang berbeza, namun konsep penyatuan dan keharmonian yang diamalkan oleh masyarakat Penan Jelalong dalam menjayakan upacara *Pakan* ini diperlukan bagi menjamin keberkesannya. Dalam proses pelaksanaan dua elemen yang berbeza ini, terdapat proses *sinkretisme* iaitu menggabungkan unsur-unsur agama dengan pemahaman tradisi. Oleh itu, tiada berlaku sebarang masalah untuk mencapai kepada proses penyatuan kerana ia merupakan perkara yang paling utama bagi mengelakkan berlakunya sebarang konflik yang tidak diingini. Kesemua ini adalah didorong oleh niat masyarakat itu sendiri yang ingin mewujudkan kesyukuran, kesatuan dan kesejahteraan hidup yang didorong oleh maksud "*jah konin, jah piak*".

Berdasarkan gambaran Model Kosmologi Penan Jelalong dalam Rajah 1, jelas dapat digambarkan bahawa masyarakat Penan Jelalong mempunyai kepercayaan seperti mana yang terdapat pada etnik-etnik lain di serata dunia. Berdasarkan gambaran ini, terdapat empat tingkat atau peringkat tertentu yang membabitkan norma serta *world view* yang menjadi pegangan dan dukungan seumur hidup yang melingkari kehidupan masyarakat Penan yang berada di kawasan Ulu Jelalong.



Rajah 1: Model Kosmologi Penan Jelalong

Menurut masyarakat Penan di Ulu Jelalong, tingkat yang pertama, ialah tentang budaya dan cara hidup masyarakat Penan yang disebut sebagai "*Adet Ponan*". Ini merangkumi bagaimana cara hidup masyarakat Penan yang pada asalnya sangat mementingkan keharmonian dan penyatuan terutamanya masyarakat Penan dan hutan. Di sini perdamaian dan keharmonian itu penting, masyarakatnya harus menjaga pantang larang yang telah ditetapkan oleh nenek moyang mereka. Apabila

berlaku pelanggaran dalam budaya mereka oleh segelintir daripada mereka, maka permasalahan akan berlaku kepada mereka. Dengan itu wujudlah krisis dan permasalahan pada tingkat kedua, iaitu *Luruk*. Krisis dan permasalahan yang wujud ialah seperti belakunya *tulah* dan *bosong*. Apabila berlaku pelanggaran adat yang telah ditetapkan, permasalahan seperti penyakit, kematian dan kerosakan pada semua tanaman juga akan berlaku kepada masyarakat Penan.

Tingkat krisis dan permasalahan yang disebut *Luruk* mempunyai pemahaman yang tersendiri mengenai kosmologi dunia orang Penan itu sendiri. Kosmologi bermaksud satu bidang ilmu tentang alam semesta (*cosmos*). Disiplin ilmu ini menumpukan perhatian kepada persoalan-persoalan tentang asal-usul kewujudan alam semesta, elemen-elemen yang terkandung di dalamnya, hubungan antara elemen-elemen tersebut, dan pelbagai perkara lain yang secara langsung atau tidak langsung mempunyai perkaitan dengan alam semesta. Ia merupakan kepercayaan tentang Tuhan, dewa-dewa, dan pelbagai kuasa luar biasa yang lain, mitos, kehidupan, kematian, tidur, mimpi serta perhubungan antara sebab musabab dan kesan-kesan. Kepercayaan yang kuat tentang kuasa-kuasa luar biasa dan pengaruh mereka terhadap manusia sering mewujudkan perlakuan ritual dalam usaha manusia berkomunikasi dengan kuasa luar biasa itu. Bagi masyarakat Penan Jelalong, mereka masih berpegang teguh kepada kepercayaan animisme yang mana alam ini bukan sahaja dihuni oleh manusia namun turut didiami oleh makhluk lain iaitu makhluk ghaib atau dikenali sebagai *supernatural*. Mereka inilah yang sentiasa mempengaruhi kehidupan manusia dari segi kesihatan, kesejahteraan hidup dan bala bencana lain yang menimpa masyarakat setempat. Masyarakat Penan Jelalong juga turut percaya bahawa sekiranya kemahuan makhluk-makhluk ini tidak dipenuhi terlebih dahulu, maka musibah akan menimpa kehidupan mereka yang dikenali sebagai krisis.

Pada tingkat ketiga, sebagai tindakan untuk meleraikan semua krisis dan permasalahan ini, maka tindakan *Pakan* dilakukan oleh masyarakat Penan. Pada tindakan ini kesemua masyarakat Penan akan bersatu dan berkumpul bersama untuk melakukan upacara *Pakan*. Semasa upacara ini maka masyarakatnya akan bersama-sama iaitu mereka yang terdiri daripada Penan Animisme dan Penan Kristian akan bersama-sama bersatu mengadakan upacara *Pakan* dan mereka akan diketuai oleh *Ketua Agama* atau *Pengejau* untuk bersama-sama memohon perlindungan dan keharmonian dengan berdoa beramai-ramai yang disebut *berniat*. Dalam acara *Pakan* semua masyarakat Penan akan bersatu menyediakan juadah-juadah wajib yang harus disediakan bagi upacara *Pakan*. Kesemua mereka akan berkumpul di satu tempat yang disebut *jerah* iaitu beranda rumah dengan membawa juadah *Pakan* dan seterusnya bersama-sama berdoa. Selepas selesai berdoa dan *berniat*, Penan animisme akan menghantar juadah khusus ke satu tapak yang disebut *tapok*. Manakala Penan Kristian hanya berdoa bersama-sama di *jerah* dan mereka tidak menyediakan *tapok* kerana mereka mengadakan *Pakan* mengikut kepercayaan agama yang mereka anuti.

Tingkat terakhir iaitu tingkat keempat merupakan kesinambungan dari tingkat ketiga. Tindakan *Pakan* tadi ialah dengan tujuan untuk memohon penyatuan dan keharmonian kembali kepada masyarakat Penan iaitu memohon perlindungan kepada Tuhan iaitu *retalak*. Tindakan *Pakan* akan mewujudkan keharmonian dan penyatuan semula dengan pegangan berniat yang membawa satu tujuan asal masyarakat Penan yang disebut "*Jah Konin, jah Piak*". Bagi masyarakat Penan mereka percaya akan kuasa *retalak*. Bagi mereka *retalak* ialah pencipta dan pelindung kehidupan mereka. Agama merupakan asas penting dalam sesebuah

masyarakat. Oleh yang demikian, seiring dengan masa agama telah hadir dan diserap di dalam kehidupan sesebuah kelompok masyarakat. Dalam pelaksanaan upacara *Pakan* ini, peranan masyarakat Penan Kristian juga sangat penting. Meskipun mereka mempunyai pegangan yang berbeza, namun konsep penyatuan dan keharmonian yang diamalkan oleh masyarakat Penan Jelalong dalam menjayakan upacara *Pakan* ini diperlukan bagi menjamin keberkesannya. Dalam proses pelaksanaan dua elemen yang berbeza ini, terdapat proses *sinkretisme* iaitu menggabungkan unsur-unsur agama dengan pemahaman tradisi. Oleh itu, tiada berlaku sebarang masalah untuk mencapai kepada proses penyatuan kerana ia merupakan perkara yang paling utama bagi mengelakkan berlakunya sebarang konflik yang tidak diingini.

Simbol Animisme (Tradisi) dalam Masyarakat Penan

Orang yang mempersembahkan barang persembahan dan perbuatan dalam satu-satu upacara kepada kuasa ghaib atau kuasa *supernatural* adalah orang yang yang mempercayai bahawa kuasa seperti itu ada dan wujud di samping mahluk lain. Pengaruh seperti ini merupakan perkara yang tidak baik mengikut pandangan mereka kerana ianya adalah semangat dan juga perangsang untuk melakukan perbuatan yang dianggap baik. Setiap upacara yang dibuat mesti mempunyai peraturannya supaya yang dipersembahkan akan dapat diterima oleh kuasa *supernatural*. Bagi masyarakat Penan di Sarawak, mereka juga tidak ketinggalan daripada memiliki kepercayaan animisme atau suatu amalan tradisi terutamanya dalam kehidupan mereka yang sinonim dengan hutan. Unsur-unsur ini terdapat dalam kehidupan mereka disebabkan keperluan harian yang masih mempercayai akan kuasa-kuasa yang dimiliki oleh unsur ghaib seperti roh, semangat, penunggu dan sebagainya yang terdapat di sekeliling mereka. Menurut orang Penan, kuasa-kuasa ini harus *dinaturakan* dengan mengadakan upacara *Pakan*.

Lupih

Bagi masyarakat Penan, *lupih* adalah satu wadah yang harus disediakan dalam apa-apa acara penting. *Lupih* merupakan satu makanan wajib yang disediakan semasa *Pakan*. *Lupih* ini dikenali sebagai Kelupis. *Lupih* ini diperbuat daripada beras yang ditumbuk sederhana lumat kemudian akan dicampurkan dengan parutan kelapa serta dicampur dengan sedikit garam sebagai penambah rasa. Malah *Lupih* ini boleh juga dibuat daripada tepung ubi kayu untuk menggantikan beras. Bagi Penan di Ulu Jelalong, mereka secara tradisi akan menyediakan *lupih* sebagai wadah utama untuk dimakan dan dijamu kepada tetamu yang hadir sewaktu apa-apa sahaja acara berlangsung yang mereka lakukan. *Lupih* ini merupakan satu sumber berkat mereka daripada hasil yang mereka kerjakan dan semua hasilnya akan dipersembahkan sebagai satu barang sajian kepada makhluk-makhluk halus dan kepada tetamu.

Semasa membuat *lupih*, ada sedikit pantang yang harus dipatuhi. Peralatan untuk memasak *lupih* ini haruslah bersih, kerana kebersihan diutamakan. Malah yang menyiapkan juadah *lupih* ini akan dilakukan oleh golongan wanita dan bukan lelaki. Bagi masyarakat Penan, golongan wanita mereka diutamakan untuk menyiapkan juadah di dapur, manakala lelaki mereka dikhaskan untuk membuat kerja yang berat. Sebagai contoh, *lupih* yang dihidangkan kepada kuasa *baleik* atau kuasa *supernatural* haruslah dimasak daripada bekas yang tidak pernah digunakan untuk memasak babi. Jika tidak diikuti, maka persembahan tersebut tidak diperkenankan. Sajian *lupih* ini akan diletakkan di atas talam gangsa berkaki yang melambangkan prestij atau kemegahan keluarga tersebut. Orang biasa yang tidak memiliki kuasa yang

supernatural tidak akan memakan lupih yang dihidangkan kepada *baleik*. Hanya yang ada kuasa *baleik* sahaja akan dapat memakan *lupih* yang telah dipersembahkan kepada kuasa lain. *Lupih* untuk tetamu akan diasingkan. *Lupih* merupakan satu identiti masyarakat Penan Jelalong kerana ini telah menunjukkan bahawa Penan Jelalong telah lama hidup bercucuk tanam walau tidak secara besar-besaran. Penan Jelalong memerlukan makanan seperti beras, ubi dan sagu sebagai makanan utama mereka. Disebabkan itu setiap kali upacara *Pakan* maka masyarakatnya akan membuat *lupih* sama ada *lupih* tradisi atau *lupih* moden yang tidak ditumbuk kerana apa yang penting adalah menyediakan *lupih*.

Penyarem

Penyarem merupakan kuih penganan. Sebagai satu kemestian, sewaktu *Pakan* masyarakat Penan harus menyediakan *penyarem*. *Penyarem* dibuat daripada tepung beras dan gula apong. Mereka tidak membeli tepung tetapi membuat sendiri daripada beras yang ditumbuk menjadi tepung. Semasa membuat *penyarem* dilarang banyak bercakap untuk mengelak daripada disapa oleh roh yang ada. Apabila disapa oleh roh hantu maka *penyarem* tidak menjadi ianya dan ianya disebut sebagai *kemusen*. Lantaran itu golongan wanita yang berpengalaman dan berumur sahaja akan membuat *penyarem*. Semasa menyediakan *penyarem* wanita yang datang haid tidak digalakkan untuk menyediakan *penyarem* ini. Apabila dalam keadaan yang kurang bersih, maka *penyarem* ini tidak akan dapat menjadi dengan baik dan kuasa *baleik* juga tidak berkenan.

Tapok

Tapok merupakan bunga kayu yang dilurut menjadi bunga. Kegunaan *tapok* sangat penting digunakan semasa *Pakan*. Bunga *tapok* dibuat daripada kayu tertentu, dan yang membuat kayu *tapok* ialah mereka yang berpengalaman. Jika tersalah lurut maka *tapok* tidak menjadi. Kayu *tapok* merupakan hasil hutan yang menjadi bunga yang akan digunakan oleh orang Penan, dan sehingga sekarang kayu *tapok* masih digunakan oleh ramai bangsa lain sewaktu keramaian. Semasa menjalankan *pinum*, setiap kayu *tapok* melambangkan simbol berapa hari *pinum* akan dijalankan. Sebagai contoh *tapok Pakan* melambangkan hari menjalankan upacara *pinum*. *Tapok* yang dijadikan bunga lebih pendek dan hanya setinggi satu atau dua kaki, tetapi *tapok Pakan* lebih tinggi setinggi lima ke enam kaki. Setiap sebatang *tapok Pakan* melambangkan sehari upacara *pinum* dijalankan. Bilangan batang *tapok* bermaksud mewakili berapa hari upacara ritual mereka dijalankan.

Sang

Sang diperbuat daripada daun hutan. *Sang* digunakan oleh orang Penan sebagai hiasan wajib sewaktu upacara *pinum*. Daun *sang* ini akan dikoyak dan akan digantung pada setiap sudut rumah. Daun *sang* merupakan penyatuan orang Penan dengan tumbuhan di hutan. Daun *sang* ini amat berguna bagi masyarakat Penan. Ianya boleh digunakan untuk aspek keperluan mereka seperti untuk membuat atap rumah, malah daun *sang* ini dapat dibuat topi. Lantaran itu sewaktu upacara *Pakan*, daun *sang* ini mesti ada. Malah daun *sang* ini akan dijadikan sebagai bunga asli dari hutan serta melambangkan bahawa orang Penan lebih sukakan simbol perhiasan dari hutan. Orang Penan tanpa simbol dari hutan adalah bukan Penan.

Ilang

Ilang lebih dikenali sebagai parang yang diperbuat daripada besi. Sewaktu upacara *Pakan*, parang *ilang* adalah simbol pengeras kepada semangat masyarakatnya. Parang *ilang* ini akan digunakan untuk menari seperti tarian ngajat. Penan Tradisi mesti ada *ilang* digunakan sewaktu *Pakan* kerana parang *ilang* ini digunakan untuk menguatkan semangat atau roh seseorang, dan ketua agama akan menyentuh parang *ilang* tersebut di bahagian belakang individu yang menyertai upacara *pinum*. Parang *ilang* dibuat daripada besi dan orang yang berpengalaman sahaja dapat membuatnya. Besi melambangkan kekerasan, di mana semangat masyarakatnya harus keras seperti besi untuk menempuh permasalahan yang berlaku di sekitar mereka untuk hari-hari yang seterusnya.

Sipak dan Gulung

Sipak ialah makanan yang diperlukan sewaktu *Pakan*. Bahan untuk *sipak* adalah pinang, sirih dan kapur sigup (tembakau). Manakala *gulung* pula ialah rokok yang disediakan daripada daun apong. *Baleik* memerlukan *sipak* dan *gulung*. Tiada pantang larang untuk menyediakan kedua-dua benda ini kecuali pinang dan kapur sigup akan diletakkan dalam daun sirih dan dibalut dengan bentuk segi tiga. Manakala *gulung* pula digulung dan berintikan tembakau.

Vas Kuning atau beras Kuneng dan Ilu atau telur ayam.

Beras kuning atau dikenali sebagai *vas kuneng* merupakan satu sajian yang wajib disediakan sewaktu ritual *Pakan*. Bagi masyarakat Penan, tanpa beras kuning upacara ini tidak akan sempurna. Manakala telur yang telah dimasak juga harus diletakkan atas beras kuning. Manakala telur mentah akan dimakan oleh pembaca mentera sewaktu ritual *Pakan*. Tiada pantang larang dalam penyediaan kedua-dua bahan ini menurut orang tua-tua. Kedua-dua bahan ini cuma perlu seiring dalam juadah penyediaan *Pakan* atas permintaan *baleik*. Tetapi bagi ritual *Pakan* masyarakat Penan yang sudah beragama, mereka tidak menyediakan beras kuning dan telur atas dasar tuntutan agama yang mereka anuti.

Simbol Ritual Dalam Ritual Pakan

Dari aspek istilah keagamaan menurut kefahaman masyarakat umum ialah keyakinan kepada Tuhan dan cara menyembahnya untuk memperoleh keredaan daripada Tuhan semesta alam. Menurut pandangan lain, bagi masyarakat primitif 'agama' ialah tentang upacara-upacara perayaan yang berkaitan dengan ketuhanan atau peribadatan yang disertakan dengan penyembelihan korban sebagai persembahan. Pandangan daripada penulis-penulis barat pula mendefinisikan 'agama' sebagai suatu kepercayaan keimanan kepada kewujudan Tuhan yang maha tinggi. Dapatlah dinyatakan bahawa agama yang dimiliki oleh seseorang individu itu bertujuan untuk menghambakan diri kepada tuhan dengan melakukan aktiviti-aktiviti ibadat yang diarahkan olehNya.

Tujuan utama mengadakan ritual *Pakan* ini adalah untuk memohon perlindungan, perdamaian, penyatuan dan kesejahteraan hidup. Teras utama persoalan kosmologi ini tertumpu pada tiga persoalan utama iaitu, Tuhan, Alam dan Manusia. Ketiga-tiga teras ini tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain kerana setiap persoalan alam dan manusia tidak terlepas daripada perkaitan dengan Tuhan. Selain itu juga, mana-mana makhluk di alam nyata juga tidak terlepas dengan percaya akan dunia nyata dan dunia ghaib sama juga kepercayaan ini dengan masyarakat Penan. Kepercayaan seperti ini dapat menunjukkan bahawa setiap

perlakuan manusia itu bukan sahaja dapat dinyatakan secara lahiriah tetapi setiap tingkah laku yang ditunjukkan juga mempunyai pengertian yang tersirat. Malah setiap perlakuan yang tersirat dibuat semasa melaksanakan satu-satu ritual oleh sesebuah masyarakat. Bentuk-bentuk ritual itu yang memperlihatkan adanya unsur-unsur simboliknya.

Dalam penyelidikan ini, dapat dilihat terdapatnya pengaruh agama yang telah dimiliki oleh masyarakat Penan itu sendiri iaitu Penan animisme, Penan Kristian atau Penan Muslim atau lebih dikenali sebagai Penan beragama. Setiap bentuk kepercayaan tradisi telah diadun menjadi bentuk baharu dengan menggabungkan unsur-unsur agama yang mereka anuti. Kepercayaan ini kemudiannya berubah berdasarkan proses pembaharuan yang disebabkan pengaruh peradaban baru selepas melalui proses sinkristisme oleh *vaie puwet* dan pastor. Kepercayaan yang telah diterima itu kemudiannya mendapat persetujuan masyarakat setempat yang telah berubah daripada bentuk terdahulu. Kesemua unsur yang terdapat dalam kalangan masyarakat Penan telah berubah berubah dengan persetujuan semua masyarakatnya seterusnya berkaitan dengan amalan yang diamalkan. Namun disebabkan penekanan kepada prinsip perlindungan, penyatuan dan kesejahteraan, setiap perlakuan ritual yang dilakukan akan dapat meleraikan satu situasi tegang yang sebelum ini sering dikatakan bertentangan dengan amalan agama.

Unsur Ketuhanan

Dalam pelaksanaan ritual *Pakan*, konsep Tuhan dirujuk berdasarkan kepada *retalak*. Masyarakat Penan Ulu Jelalong percaya dengan adanya pelaksanaan ritual ini dan segala yang dipohon atau yang diminta semuanya melalui perantara *vaie puwet* dan pastor untuk menyampaikan segala permohonan kepada Tuhan. Bagi masyarakat Penan, *retalak* merupakan yang sangat berkuasa dan *baleik* merupakan kuasa luar biasa dari hutan yang berkuasa di hutan. Secara fitrah atau semula jadi, kehidupan manusia penuh dengan proses interaksi iaitu manusia berinteraksi sesama manusia, manusia berinteraksi dengan alam dan seluruh fenomena alam, khususnya alam nyata, manusia berinteraksi dengan kuasa ghaib (*supernatural*). Dari alam ghaib ini, maka manusia mengenali adanya Tuhan, atau apa-apa sahaja yang diyakini sebagai Tuhan. Sebagai makhluk Tuhan, manusia berkomunikasi dan berinteraksi kepada Tuhan dengan cara yang spiritualistik atau lebih bersifat batiniah. Lantaran itu manusia telah mencipta ungkapan yang sakral dan mewujudkan suasana penuh kesakralan untuk berkomunikasi dengan Tuhan. Kewujudan kesakralan ini tidak dapat digambarkan melalui bagaimana cara Tuhan itu, namun permohonan kepada Tuhan ditunjukkan melalui pelbagai cara dan salah satunya seperti yang diamalkan oleh masyarakat Penan dengan mengadakan ritual *Pakan*.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Secara amnya, simbol yang terdapat dalam ritual *Pakan* ini bukan sahaja dapat digambarkan melalui perbuatan secara lahiriah tetapi ianya banyak mencerminkan kepada tujuan sesuatu perlakuan yang dibuat. Dalam kalangan masyarakat Penan untuk menyampaikan maksud yang mereka hajati, ianya lebih kepada aspek upacara ritual yang berupa upacara tradisi dan *Pakan* dijalankan apabila masyarakatnya sudah beragama, di mana pada masa sekarang masyarakat Penan di kawasan Ulu

Jelalong telah ramai menganuti agama Kristian iaitu mazhab Katholik dan Protestant yang dikenali sebagai SIB. Penan tradisi lebih percaya kepada *vaie puwet* sebagai penghubung kepada kuasa *baleik* dan *retalak*. Penan tradisi sangat mementingkan *vaie puwet*, kerana *vaie puwet* ini akan dapat berhubung dengan kuasa *supernatural* yang berkaitan dengan roh dan semangat. Perkara seperti ini adalah sukar dan tidak dapat dilakukan oleh orang biasa iaitu yang tidak memiliki kuasa *baleik*.

Manakala Penan Kristian lebih percaya kepada Tuhan Jesus dan semua upacara *Pakan* dijalankan secara ibadah Kristian dengan bersembahyang dan diketuai oleh ketua agama jika pastor atau paderi tiada. Ritual *Pakan* tetap dijalankan seperti biasa cuma orang Penan yang sudah menganuti agama Kristian ini cara mereka lebih kepada bersembahyang untuk menyampaikan hajat dan permohonan mereka kepada Tuhan. Simbol makanan seperti *lupih*, *penyarem*, *tapok* dan *sang* masih dikekalkan sebagai identiti Penan. Pastor atau paderi merupakan perantara yang membawa ritual sembahyang ini untuk menyampaikan maksud majlis atau upacara *pinum* ini dijalankan. Unsur simbolik kepada *Pakan* ini kekal dijalankan oleh ketua agama semasa bersembahyang kepada semua simbol *Pakan* iaitu di mana mendoakan semua makanan yang dihidangkan sewaktu upacara *Pinum* ini dijalankan.

Walaupun dalam kalangan masyarakat pelaksanaan ritual ini terdapat pelbagai adunan iaitu unsur-unsur agama tradisi dan keagamaan tetapi ianya sebenarnya mewujudkan satu penyatuan dan keharmonian masyarakatnya sehingga sekarang. Setiap ritual yang diadakan bertujuan untuk meleraikan masalah yang berlaku dalam masyarakat mereka terutamanya masyarakat Penan yang mementingkan keharmonian hidup di antara masyarakat dan hutan sekeliling mereka. Kepercayaan-kepercayaan yang wujud dalam ritual ini dijadikan sebagai amalan supaya mewujudkan satu suasana yang baharu iaitu konsep penyatuan dan keharmonian. Pada akhirnya, semua yang dilakukan oleh mereka ialah adalah bertujuan untuk mewujudkan penyatuan masyarakatnya dengan kuasa alam. Apabila semangat penyatuan berlaku maka masyarakatnya akan dapat hidup dengan harmoni. Selain itu, ritual atau upacara yang diadakan ialah bertujuan untuk meleraikan krisis dan permasalahan yang berlaku disebabkan pelanggaran masyarakatnya akan kuasa-kuasa alam yang dianggap keras bagi masyarakat Penan. Apabila berlaku pelanggaran maka masyarakat akan sakit malah melarat kepada keturunan atau generasi seterusnya yang dikenali sebagai *tulah* dan *bosong*. Lantaran itu masyarakat Penan berpegang kepada konsep *malie'*, apabila sesuatu perkara disebut *malie'* maka masyarakatnya harus hormati kerana takut ditimpa *tulah*. Justeru, masyarakat Penan menjalankan upacara *Pakan* supaya masyarakatnya bersatu dan dapat hidup dengan harmoni.

RUJUKAN

- Turner V., (1966). *The Forest of Symbols: Aspects of Ndembu Ritual*, (Ithaca: Cornell University Press.
- Needham, R. (1954). A Penan Mourning Usage. *Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde* 110: 263-277